



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 16 TAHUN 2007

**BAYARAN PAKAIAN ISTIADAT, BANTUAN BAYARAN
PAKAIAN *BLACK TIE* DAN BAYARAN PAKAIAN
MENGHADIRI UPACARA RASMI**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung pemberian kemudahan Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.

TAFSIRAN

2. 'Pakaian Istiadat' ertinya pakaian upacara rasmi yang direka bentuk khas untuk sesuatu perkhidmatan.

3. 'Pakaian *Black Tie*' ertinya pakaian separa rasmi barat yang dipakai untuk majlis makan malam.
4. 'Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi' ertinya Pakaian Kebangsaan atau *Dark Lounge Suit* bagi lelaki atau pakaian yang bersesuaian bagi wanita semasa dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat Persekutuan / Negeri atau bertugas rasmi di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

KELAYAKAN

5. Pegawai Perkhidmatan Awam yang mempunyai Pakaian Istiadat layak diberi Bayaran Pakaian Istiadat dan boleh memilih untuk menggantikannya dengan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
6. Pegawai Perkhidmatan Awam yang tidak mempunyai Pakaian Istiadat dan dikehendaki menghadiri upacara rasmi untuk menerima bintang atau pingat dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
7. Pasangan kepada Pegawai Perkhidmatan Awam yang turut hadir dalam Majlis-majlis Istiadat Pengurniaan Bintang dan Pingat sama ada di peringkat Persekutuan atau Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
8. Pegawai Perkhidmatan Awam Gred 41 dan ke atas yang diarah bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri layak diberi Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi.
9. Pegawai Perkhidmatan Awam yang dikehendaki memakai Pakaian Istiadat semasa menghadiri upacara rasmi layak diberi Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie*.

KADAR BANTUAN BAYARAN PAKAIAN

10. Kadar bagi Bayaran Pakaian Istiadat, Bantuan Bayaran Pakaian *Black Tie* dan Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi adalah seperti berikut:

Bil.	Jenis Pakaian	Kadar Bayaran (RM)
1.	Bayaran Pakaian Istiadat	1,500.00
2.	Bantuan Bayaran Pakaian <i>Black Tie</i>	1,000.00
3.	Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi	650.00 (pegawai)
		450.00 (pasangan)

SYARAT

11. Kemudahan ini adalah tertakluk kepada syarat seperti berikut:

- a. kemudahan bayaran pakaian ini diberi setiap tiga (3) tahun sekali.
- b. pegawai yang telah diberi Bayaran Pakaian Istiadat tidak layak menuntut Bayaran Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi dalam tempoh tiga (3) tahun yang sama;
- c. tuntutan bayaran balik hendaklah disokong dengan resit; dan
- d. tuntutan bayaran balik Pakaian Menghadiri Upacara Rasmi hendaklah disokong dengan maklumat mengenai jemputan upacara rasmi atau surat arahan bertugas di Parlimen atau Dewan Undangan Negeri.

12. Penggunaan kemudahan ini hendaklah dicatatkan dalam Buku Perkhidmatan pegawai.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Oktober 2007**.


PEMBATALAN

14. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 26 Tahun 2005 adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN

15. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI ISMAIL ADAM)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

28 September 2007

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan